

MIFF sedia perkhidmatan samak

MIFF Marketing Sdn Bhd menandatangani perjanjian usaha sama (JV) dengan Labuan Halal Hub Sdn Bhd untuk menyediakan perkhidmatan samak, iaitu pembersihan yang mematuhi syariah.

Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC) dalam satu kenyataan semalam memaklumkan, bagi tujuan itu, syarikat JV, MIFF-LHH


Port Sdn Bhd ditubuhkan dengan MIFF Marketing menguasai 70 peratus manakala Labuan Halal Hub selebihnya.

"Projek ini akan bermula segera dan perkhidmatan samak termasuk pembersihan dapur atau kawasan memasak di kapal dengan sasaran 700 kapal sebulan," menurut MTDC.

MTDC, syarikat milik Khazanah

Nasional menjalankan perniagaan pengurusan geran dan perkhidmatan nasihat.

MIFF Marketing, penerima Dana Permulaan Perniagaan kerajaan di bawah MTDC, mengeluarkan serbuk tanah liat inovatif CLAYMIFF yang dimajukan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan digunakan secara meluas dalam industri halal Malaysia. - Bernama



MIFF Marketing menghasilkan serbuk tanah liat bagi tujuan samak yang dibangunkan bersama UPM.